



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (16 OKTOBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **tiada kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **kekal 759 kes**.

#### **A. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Hari ini, **tiada kluster baharu** yang telah dikesan. Walau bagaimanapun terdapat dua (2) kluster yang masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

##### **a) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.**

Kluster ini kekal melaporkan empat (4) kes positif COVID-19. Sehingga 16 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, sejumlah enam (6) individu telah disaring, dimana:

- i) Empat (4) kes dikesan positif COVID-19
- ii) 36 individu negatif; dan
- iii) tiada individu yang menunggu keputusan

**b) Kluster Putra di Daerah Bintulu.**

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai enam (6) orang termasuk kes indeks. Satu (1) kes positif COVID-19 telah dikesan dan didaftarkan di Negeri Selangor. Sehingga 16 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, sejumlah enam (6) individu telah disaring, dimana:

- i) Enam (6) kes dikesan positif COVID-19
- ii) 160 individu negatif;
- iii) 24 individu yang masih menunggu keputusan. Seramai 75 individu telah disaring untuk kali kedua (Hari Ke-10) di mana 35 individu telah negatif dan 40 individu masih menunggu keputusan.

**B. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Dimaklumkan juga bahawa **terdapat dua (2)** kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj ini adalah masing-masing seorang (1) dari Hospital Umum Sarawak dan Hospital Sibul. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **696** orang atau **91.70%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **44** orang iaitu 27 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, lapan (8) kes di Hospital Miri, tujuh (7) kes Hospital Bintulu dan dua (2) orang di Hospital Sibul.

**Tiada** kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.50%**.

Hari ini **enam (6) PUI** baru telah dilaporkan dan **satu (1)** kes PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

### **C. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, Daerah Kuching, Sibul, Bintulu dan Lubok Antu kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan seramai tiga belas (13) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Tiada penambahan kes jangkitan tempatan baharu dilaporkan atau dikesan bagi daerah-daerah tersebut pada hari ini.

Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Kuning adalah empat (4) buah daerah dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

## **2. LAPORAN OPERASI TAPAK PEMBINAAN HOSPITAL UMUM SARAWAK DAN BANGUNAN LAMA INTAN SARAWAK**

Operasi pengesanan kontak rapat berhubung dengan terdapat dua (2) kes positif yang dilaporkan di tapak pembinaan Hospital Umum Sarawak dan bangunan lama INTAN Sarawak sedang giat dijalankan. Seramai 271 orang pekerja telah disaring. Daripada jumlah tersebut, seramai 176 pekerja di tapak pembinaan Hospital Umum Sarawak, 81 kakitangan kontraktor dan 14 pekerja di bangunan lama INTAN Sarawak.

Manakala pihak Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak pula telah membuat 25 tangkapan daripada operasi tersebut. Daripada jumlah tersebut, 17 orang pekerja lelaki di tapak pembinaan Hospital Umum Sarawak dan 8 pekerja lelaki di bangunan lama INTAN Sarawak.

## **3. LAPORAN NOTIS SIASATAN / KOMPAUN / AMARAN / SITAAN**

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan dua (2) notis siasatan iaitu semasa pemeriksaan polis, seorang lelaki yang diarahkan kuarantin di rumah (HSO) didapati tiada di rumah di Dalat. Usaha sedang dijalankan untuk mengesan lelaki ini dan dipercayai telah keluar bekerja di luar daerah. Manakala seorang lagi lelaki yang telah diarahkan kuarantin di hotel (PUS) telah didapati berada di bandar Miri. Lelaki ini telah diarahkan kembali ke hotel dan akan ditangkap setelah selesai tempoh kuarantin.

Pihak PDRM juga telah mengeluarkan **13 kompaun** di Daerah Kuching (8), Miri (2), Saratok (2) dan Kota Samarahan (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **85 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan SMC (30), DBKU (21), BDA (19), MD Marudi (10), MD Serian (2), MBKS (1), MPKS (1) dan MB Miri (1).

#### **4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini sebanyak **1,453 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (197), Restoran (272), Kilang (10), Bank (113), Pejabat Kerajaan (56), Penjaja (43), Pasar Tani/Awam (69), Tempat Ibadah (67), Tempat Riadah (40), Tapak Pembinaan (21) dan lain-lain (565).

Seramai **513 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (226), ATM (36), RELA (115), APM (101), PBT (31) dan lain-lain agensi (4).

## **5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **971** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**16 OKTOBER 2020**

**4.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	759	Kes sedang dirawat di hospital	44	5.80%
Kes Baharu	0	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	128,670	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	759	Jumlah kes kematian	19	2.50%
IR per 100,000 penduduk	24.60	Kes telah sembuh dan discaj	696	91.70%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	5	9,114	6	9,874
Menunggu keputusan	1	1		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibü	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	27	2	7	8	0	44
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	1	1	0	0	2
	Kumulatif	583	37	39	35	696
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (4)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lubok Antu	0	27	0	3	0	0	0	0	3	3	1
2	Kuching	5	6,529	0	457	1	424	0	12	21	22	5
3	Bintulu	0	309	0	46	0	39	0	0	7	7	5
4	Sibü	0	115	0	15	1	14	0	0	1	4	2
Jumlah		5	6980	0	521	2	477	0	12	32	36	13

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	0	20	0	4	0	3	0	0	1	0	0
2	Serian	0	314	0	24	0	24	0	0	0	0	0
3	Lundu	0	249	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Bau	0	178	0	7	0	6	0	0	1	1	0
5	Samarahan	0	570	0	113	0	108	0	4	1	1	0
6	Simunjan	0	62	0	8	0	8	0	0	0	0	0
7	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
8	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
9	Limbang	0	32	0	10	0	8	0	1	1	1	0
10	Miri	0	843	0	31	0	24	0	1	6	5	0
11	Asajaya	1	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	54	0	4	0	2	0	1	1	1	0
13	Betong	0	189	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	0	0	0	1	1	0
29	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>	<b>2,894</b>	<b>0</b>	<b>238</b>	<b>0</b>	<b>219</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>12</b>	<b>10</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>6</b>	<b>9,874</b>	<b>0</b>	<b>759</b>	<b>2</b>	<b>696</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>44</b>	<b>46</b>	<b>13</b>

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak



## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **131** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **23 buah hotel** adalah seramai **1,866 orang**. Manakala seramai **26,519 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 16.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (858)	Hock Lee	97
2		Kuching Park	88
3		Hilton	301
4		Harbour View	171
5		Riverside (Astana Wing)	97
6		Tune Hotel	57
7		Dormani Hotel	47
8	Miri (610)	Mega Hotel	56
9		Imperial Palace	122
10		Eastwood Valley	67
11		Meritz	166
12		Miri	35
13		Dynasty	119
14		Citi Hotel	45
15	Bintulu (74)	Wasan Inn	38
16		Motel Kapok	15
17		Faber Inn	21
18	Limbang (150)	Purnama	98
19		Seri Malaysia (Lawas)	1
20		Shangshan (Lawas)	34
21		Mandarin (Lawas)	17
22	Sibu (174)	Premier	143
23		Diocesan Pastoral	31
<b>Jumlah PUS</b>			<b>1,866</b>

**3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **6 lokasi di Kuching (2), Miri (2), Sri Aman (1) dan Sibü (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,770 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 16.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>2</b>	<b>565</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>2</b>	<b>326</b>
<b>3</b>	<b>Sibü</b>	<b>1</b>	<b>177</b>
4	Samarahan	TIADA	122
5	Bintulu	TIADA	115
6	Sarikei	TIADA	111
7	Limbang	TIADA	84
8	Serian	TIADA	66
9	Betong	TIADA	56
10	Kapit	TIADA	51
<b>11</b>	<b>Sri Aman</b>	<b>1</b>	<b>49</b>
12	Mukah	TIADA	48
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>1,770</b>

**4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **54 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 16.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	7
4	MP Sibu	9
5	BDA	5
6	MD Matu & Daro	4
7	MCC	15
8	MD Marudi	5
9	MD Subis	4
<b>Jumlah</b>		<b>54</b>